



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - ISNIN, 1 DISEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	TROUBLING TOLL		NEUTRAL
	https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/musings/2025/11/30/troubling-toll	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK, PLATFORM PENTING PERKUKUH KOMITMEN BERSAMA - WAN AZIZAH		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/sambutan-hari-kanak-kanak,-platform-penting-perkukuh-komitmen-bersama-wan-azizah	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PELBAGAI DASAR, INISIATIF UNTUK JAMIN KESEJAHTERAAN WARGA EMAS – WAN AZIZAH		POSITIF
	https://malaysiaaktif.my/2025/11/warga-emas-sepang-buktikan-ketangkasan-rai-hari-sukan-penuh-bersemangat/	MALAYSIAAKTIF.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KERENTANAN INSTITUSI KELUARGA SEMAKIN MEMBIMBANGKAN – ANFAAL		NEUTRAL
	https://malaysiaaktif.my/2025/11/kerentanan-institusi-keluarga-semakin-membimbangkan-anfaal/	MALAYSIAAKTIF.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	BANJIR DI SEMENANJUNG KIAN PULIH, JUMLAH MANGSA DI PPS TURUN MENDADAK		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1294421/banjir-r-di-semenanjung-kian-pulih-jumlah-mangsa-di-pps-turun-mendadak	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2497325	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	BANJIR: KEADAAN DI MELAKA PULIH SEPENUHNYA, JUMLAH MANGSA 8 NEGERI TERUS MENURUN		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1478972/banjir-keadaan-di-melaka-pulih-sepenuhnya-jumlah-mangsa-8-negeri	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1294357/banjir-keadaan-di-melaka-pulih-sepenuhnya-jumlah-mangsa-di-lapan-negeri	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2497256	BERNAMA.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1327211/floods-recede-melaka-evacuee-numbers-continue-fall-nationwide	NST.COM.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/keadaan-banjir-di-seluruh-negara-pulih-mangsa-berkurangan/	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/sukan/am/news.php?id=2497256	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	BANJIR: JUMLAH MANGSA DI 7 NEGERI BERKURANGAN, KELANTAN MENINGKAT		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1294026/banjir-jumlah-mangsa-di-7-negeri-berkurangan-kelantan-meningkat	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	WARGA EMAS MAUT DIBUNUH DENGAN CANGKUL		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-maut-dibunuh-dengan-cangkul/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/30/warga-emas-maut-dipercayai-dicangkul-di-kepala-muka/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758792/berita/semasa/warga-emas-dibunuh-guna-cangkul	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/warga-emas-maut-dipukul-guna-cangkul/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



1/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2497300	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-disyaki-dibunuh-menggunakan-cangkul-549861	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/30/lelaki-warga-emas-ditemukan-maut-disyaki-dibunuh/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1294387/warga-emas-maut-dipukul-dengan-cangkul	HMETRO.COM.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/warga-emas-dibunuh-menggunakan-cangkul-di-manjung/	THESUN.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Troubling toll

By MARINA MAHATHIR

MUSINGS

Sunday, 30 Nov 2025



Ignorant bliss: Our boys and girls cannot be wholly blamed if the system does too little to get them to understand that letting their hormones run wild can get them into serious lifelong trouble. — 123rf

IN news that seemed to have gobsmacked a lot of people, the Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri announced that in the last four years, a total of 16,951 unmarried teenagers below the age of 19 were recorded as pregnant at government healthcare facilities. If we also count the married ones, there have been 41,842 pregnant teenagers in the same period.



Musings
MARINA MAHATHIR

None of this has surprised people who work in the reproductive health field but let's unpack the information a bit.

Firstly, we should be happy that the unmarried teens go to government healthcare facilities. It's a lot better than hiding away somewhere and not having access to any information, care or help.

I don't know what happens to the babies that they give birth to, however. Do they even go to full term? Where do they deliver these babies? Do they keep them or do they give them up for adoption? Or worse, do they abandon them somewhere and just hope someone will pick them up and care for them?

A 41-year-old man who had been found as a baby by a trashcan at Chow Kit Market has only just obtained his Malaysian citizenship. He was lucky to have been cared for by an individual and by the Welfare Department until adulthood. But how many other foundlings have been as lucky, if you can call a forty-year wait for citizenship, "lucky". This, despite the fact that the Federal Constitution regards foundlings and abandoned children as citizens by operation of law under Article 14(1)(b) and Section 1(a) in the Second Schedule.

It's obvious we need more qualitative information, instead of just statistics.

Next, going by these figures, there have been some 24,891 teenage girls who are married. How many of these are under-aged, that is, below sixteen? How many were forced to get married because they were pregnant?

We have been trying to raise the legal age of marriage to 18 and reduce the phenomenon of girls who are too young and immature getting married and having babies. Clearly, we are not doing a great job of this.

We know, however, that teen marriages can be problematic. If both partners are teenagers, they are hardly equipped to handle all the adult issues that come up in the marriage including money issues, childcare, jobs etc. We have no statistics on how long these marriages last, only that divorces decreased by 8.7% between 2022 and 2023. Yes, it is frustrating that our statistics do not line up neatly with each other so that we get a full picture of the same time periods.

What had people jumping up and down even more was the breakdown by race of these teen pregnancies. Of the three main ethnic groups, around half of these cases involved Malays while only 5% and 3% were Chinese and Indian girls respectively.

We should ask the obvious question: why is this so? Is it because Malay girls have less access to reproductive health information including birth control than everyone else? What are the barriers to this access? Is the main obstacle the judgmental attitudes of healthcare workers when approached by unmarried teens?

We cannot hope to solve this problem if we do not answer these questions. Another question we should ask is how many of these pregnancies are the result of rape, statutory or otherwise?

While we are focusing on pregnant teenage girls, we seem to forget the other side of the equation, which is the impregnating boys or men.

There have been calls by some people not to punish the boys or men in "suka sama suka" relationships. In other words, the girls should also be blamed for getting pregnant. But the point of the statutory rape law is that the girls are regarded as still children, no matter how physically developed they may seem. It's their maturity that matters, their ability to understand the consequences of their actions.

If the boys involved are also underage, then they too cannot be wholly blamed for a system that does too little to get them to understand that letting their hormones run wild can get them into serious lifelong trouble.

It is too easy to blame porn or social media for all these troubles. Where else are they supposed to get information about sex if adults refuse to provide it?

We also forget that online information about sex tends to be salacious and unrealistic and most of all, does not promote respect for partners. Nor do they talk about responsibility.

Lately there has been a lot of talk about young boys being violent towards others, whether it's their schoolmates, siblings or even parents. These boys seem to be unable to deal with conflict or the emotions when they don't get what they want. We should be more curious about why this is.

One theory is that boys nowadays lack positive male role models to emulate. Some live in homes with absent or negligent fathers. In school, their teachers are mostly female. They have nobody that they feel they can talk to about their problems safely, no one who is able to tell them how to deal with the many stressors that they encounter, whether at school or in relationships.

Boys struggle under the pressure to be men without fully knowing what that entails. Is it any wonder that they would search for answers online? Lurking there waiting for exactly such boys to preach to are all the Andrew Tates and their local versions. These "role models" tell them that the world has wronged them, that they should be dominant and that it is the fault of the female sex for not giving them their "rightful" place in life. That place is apparently where they are kings, and all females are slaves.

In other words, there is no way of solving these problems without a holistic approach. It is not enough to ban social media for kids under sixteen as has been proposed, because Pandora has long opened that box. How do you even ensure that ban when the internet has to remain open?

Ban handphones from schools, but also provide sound reproductive health education, promote open discussions between adults and children about these issues and highlight positive role models for boys who emphasise good relationships and responsibilities. Then perhaps we can start to make some headway on this issue.

Marina Mahathir is sick and tired of talking about the same thing repeatedly and seeing nothing changing beyond more gasps of horror. The views expressed here are solely the writer's own.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sambutan Hari Kanak-Kanak, platform penting perkukuh komitmen bersama – Wan Azizah

Nasional – Dicipta: 30 November 2025 03:07 PM



FOTO BERNAMA

KUALA LUMPUR, 30 November – Sambutan Hari Kanak-Kanak merupakan platform penting bagi memperkukuh komitmen bersama dalam memastikan pembangunan kanak-kanak khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berada pada landasan terbaik.

Isteri Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, usaha itu memerlukan kerjasama menyeluruh merangkumi agensi kerajaan, sektor swasta, komuniti dan individu bagi mewujudkan persekitaran selamat serta kondusif untuk kanak-kanak membesar.

Beliau berkata, corak pemikiran tepat serta kefahaman mendalam mengenai kepentingan melindungi kanak-kanak mampu membantu melahirkan generasi baharu yang seimbang.

"Apa yang kita mahukan adalah keselamatan, kesihatan, pendidikan, persekitaran yang baik dan selamat untuk kanak-kanak demi masa depan lebih baik daripada kita lalui.

"Kita mahu corak pemikiran, apabila ada tadika-tadika ini, ada yang boleh kita sama-sama bantu membangunkan insan yang penting," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Wan Azizah berkata, persekitaran dan cara mendidik serta mengawasi anak-anak memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan mereka.

"Memang kita tahu bahawa setiap anak yang dilahirkan, diibaratkan kain putih. Ibu bapalah yang mewarnai dan mencorakkan bagaimana anak itu dan juga persekitaran," katanya lagi.

Tambah beliau, usaha membentuk generasi bernilai selari dengan konsep Malaysia MADANI perlu berteraskan nilai kemanusiaan, hati nurani dan naluri yang murni.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pelbagai Dasar, Inisiatif untuk Jamin Kesejahteraan Warga Emas – Wan Azizah



SEPANG, 30 Nov (MalaysiaAktif) – Pelbagai dasar dan inisiatif sedang dilaksanakan kerajaan dalam memastikan kebajikan warga emas di negara ini terjaga selaras agenda pembangunan Malaysia MADANI.



Kira-kira 300 orang warga emas hadir pada program Hari Sukan Warga Emas Peringkat Daerah Sepang 2025.

Pengerusi KASIH Malaysia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata antaranya ialah Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan 2025-2045 atau National Agein Blueprint (NAB).

"Selain itu, kerajaan turut meningkatkan peruntukan bantuan kepada warga emas melalui pembentangan Belanjawan 2026.

"Saya yakin bahawa Malaysia di landasan yang betul untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan warga emas terjaga

dengan komitmen oleh pelbagai agensi dan kementerian seperti KPWKM (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia), KBS (Kementerian Belia dan Sukan) dan lain-lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Hari Sukan Warga Emas peringkat Daerah Sepang 2025, di sini semalam.

Bertemakan 'Aktif, Sihat dan Bahagia di Usia Emas', program yang disertai lebih 500 individu termasuk 300 warga emas, komuniti setempat dan pertubuhan kebajikan itu menepis persepsi sekiranya usia lanjut membataskan pergerakan fizikal golongan berkenaan.

Program dua hari anjuran Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Sepang bersama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) @3A Nenda itu padat dengan pengisian gaya hidup sihat antaranya Langkah Harmoni (Fun Walk) di tepi pantai, Senaman Warga Emas (SENAMAS), serta sukan rakyat.

Selain aktiviti fizikal, aspek kesihatan mental turut ditekankan menerusi slot "Hati Emas, Jiwa Muda" kelolaan Pegawai Psikologi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang, selaras objektif memperkukuh kesejahteraan holistik golongan emas.

Pada majlis sama, Wan Azizah turut menyampaikan Anugerah Khas Warga Emas memabitkan tiga anugerah utama iaitu Legenda Emas Sukan Sepang, Satria Sukan Sepang dan Srikanth Sukan Sepang sebagai penghormatan kepada individu yang kekal aktif menyumbang dalam arena sukan walaupun telah berusia.



Aktiviti Langkah Harmoni (Fun Walk) di pesisir pantai.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerentanan Institusi Keluarga Semakin Membimbangkan – Anfaal



SELAYANG, 30 Nov (Malaysiaaktif) – Isu kerentanan institusi keluarga semakin membimbangkan apabila kes rogol kanak-kanak, insiden tikaman dan pengaruh melampau permainan video serta media sosial dilihat semakin ketara.



Forum kekeluargaan oleh panel ternama turut diadakan pada Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 Peringkat Negeri Selangor.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor Anfaal Saari berkata penyelesaian tidak boleh diletakkan hanya di bahu Kementerian Pendidikan Malaysia sebaliknya perlu bermula di rumah melalui komunikasi sihat antara ibu bapa dan anak-anak.

Beliau kerajaan negeri kini sedang merancang untuk mengadakan perbincangan meja bulat melibatkan pelbagai pihak menjelang pindaan Enakmen Keluarga Syariah pada 2027.

"Antara perkara yang akan diperhalusi termasuk perkahwinan tanpa kebenaran, perkahwinan bawah umur, poligami tanpa kebenaran serta penegasan mengenai nafkah dan tanggungjawab suami isteri.

"Pindaan ini memerlukan penelitian terperinci kerana JAIS sebagai badan penguat kuasa perlu melihat setiap implikasi dengan teliti. Sebab itu prosesnya mengambil masa," katanya ketika menyempurnakan Perasmian Penutup Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2025 Peringkat Negeri Selangor di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) di sini semalam.

Menurutnya, Sambutan Bulan Keluarga menjadi peringatan bahawa pelbagai isu yang timbul hari ini hanyalah '*tip of the iceberg*' dan memerlukan tindakan lebih menyeluruh.

Pada masa sama, Anfaal berkata kerajaan negeri terus memberi tumpuan kepada agenda Keluarga Ehsan dan memastikan kesejahteraan kanak-kanak dalam 1,000 hari pertama kehidupan bagi membentuk Selangor sebagai negeri yang lebih penyayang dan berdaya huni.



Aktiviti kanak-kanak bersama keluarga mendapat sambutan baik pada sambutan berkenaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir di Semenanjung kian pulih, jumlah mangsa di PPS turun mendadak

BERNAMA



Keadaan beberapa kampung yang dilimpahi air banjir Sungai Golok di Kampung Teluk Jering banjir di Kelantan hampir pulih. FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Kuala Lumpur: Keadaan cuaca yang bertambah baik di kebanyakan negeri sepanjang hari ini membuatkan banjir semakin surut dengan jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di lapan negeri terjejas berkurangan kepada 14,888 orang malam ini, berbanding 18,731 orang petang tadi.

Di **PERLIS**, jumlah mangsa menurun daripada 3,577 orang pada petang tadi kepada 3,009 orang malam ini susulan tiga PPS ditutup, menjadikan hanya 12 PPS masih beroperasi Padang Besar, Kangar dan Arau.

Sementara di **PERAK** turut merekodkan penurunan mendadak jumlah mangsa dengan hanya 4,840 orang masih berlindung di 30 PPS di lima daerah berbanding 5,920 orang petang tadi, selepas tiga PPS masing-masing satu di daerah Perak Tengah dan dua di Manjung ditutup.

Situasi di **KEDAH** juga beransur pulih dengan hanya 342 orang masih ditempatkan di dua PPS di daerah Kubang, berbanding 416 orang petang tadi.

Bagaimanapun, terdapat satu sungai di negeri ini sudah melepasi paras amaran iaitu Sungai Bata dengan 10.241 meter.

Di **SELANGOR**, masih terdapat 30 PPS aktif di empat daerah iaitu Kuala Selangor, Sepang, Kuala Langat dan Sabak Bernam yang menempatkan 2,789 mangsa banjir berbanding 3,203 orang petang tadi.

Sementara itu di **KELANTAN**, susulan beberapa PPS di jajahan Kota Bharu, Tumpat, Kuala Krai, Tanah Merah, Bachok, Gua Musang, Pasir Puteh dan Machang ditutup sepenuhnya malam ini, jumlah mangsa banjir menurun kepada 940 orang di lima PPS aktif, berbanding 1,026 individu yang direkodkan petang tadi.

Turun merekodkan penurunan ketara adalah di **PAHANG**, dengan hanya 585 orang masih berlindung di 17 PPS berbanding 1,132 orang petang tadi.

Bagaimanapun, bacaan bagi Sungai Pahang di Sungai Triang di Jambatan Keretapi, Bera; Sungai Pahang di Waterfront, Bera; dan Sungai Pahang di Kuala Krau, Temerloh masing-masing kekal pada paras bahaya.

Di **TERENGGANU** turut merekodkan penurunan kecil mangsa banjir kepada 2,018 orang berbanding 2,634 orang yang masih berlindung di 58 PPS melibatkan tujuh daerah.

Satu stesen Sungai Paka di Kampung Luit (F2) mencatat paras air sungai melebihi tahap bahaya, manakala empat lagi stesen iaitu Sungai Nerus di Kampung Bukit (F1), Setiu; Sungai Nerus di Kampung Jeram, Kuala Nerus; Sungai Kemaman di Rumah Pam Paya Paman, Kemaman dan Kampung Langkap (F1), Setiu sudah melepasi paras amaran.

Di **NEGERI SEMBILAN**, mangsa banjir yang ditempatkan di dua PPS di Port Dickson berkurangan kepada 89 orang berbanding 105 orang petang tadi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir: Keadaan di Melaka pulih sepenuhnya, jumlah mangsa 8 negeri terus menurun

Oleh BERNAMA - November 30, 2025 @ 7:41pm



Keadaan beberapa kampung yang di limpahi air banjir Sungai Golok di Kampung Teluk Jering, Tumpat. - Foto NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

KUALA LUMPUR: Situasi banjir di Melaka pulih sepenuhnya manakala keadaan di lapan lagi negeri juga menunjukkan perkembangan lebih baik, dengan jumlah mangsa yang berlindung di pusat permindahan sementara (PPS) terus berkurangan setakat 4 petang tadi.

Di MELAKA, Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Melaka dalam satu kenyataan memaklumkan, tiga PPS yang menempatkan 62 mangsa daripada 16 keluarga ditutup sepenuhnya petang tadi.

PPS Pejabat Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Japerun) Ayer Limau ditutup 3 petang tadi manakala PPS di Sekolah Kebangsaan (SK) Ayer Jernih dan Balai Raya Kampung Seri Jeram masing-masing ditutup 2.30 petang.

Sementara itu di KEDAH, mangsa banjir terus berkurangan dengan ketara kepada 416 orang berbanding 1,072 orang pagi tadi susulan enam PPS dalam proses ditutup hingga 5 petang ini.

Menurut Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Kedah, baki mangsa dari daerah Kubang Pasu itu masih berlindung di tiga PPS, iaitu Dewan Kodiang, Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Pekan dan SK Tunjang.

Turut merekodkan penurunan ketara ialah TERENGGANU, dengan angka terkini mangsa sebanyak 2,634 orang berbanding 5,856 orang pagi tadi.

Berdasarkan InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), semua mangsa masih berlindung di 81 PPS melibatkan tujuh daerah dengan Kuala Terengganu mencatatkan 884 mangsa, Marang (574 orang), Kuala Nerus (341 orang), Setiu (291 orang), Dungun (208 orang) dan Kemaman (202 orang) serta Hulu Terengganu (134 orang).

Di NEGERI SEMBILAN, InfoBencana JKM memaklumkan jumlah mangsa banjir menurun kepada 105 individu berbanding 127 orang pagi tadi, yang berlindung di tiga PPS.

Di PERAK, yang masih merekodkan angka tertinggi mangsa banjir juga menunjukkan penurunan kepada 5,920 orang daripada berbanding 6,420 orang yang ditempatkan di 42 PPS di lima daerah.

Menurut Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Perak, satu PPS Surau An-Nur Hidayah di daerah Muallim ditutup 2 petang tadi.

Di PAHANG, jumlah mangsa banjir turut berkurangan sedikit kepada 1,132 orang berbanding 1,390 orang, yang berlindung di 36 PPS di tujuh daerah.

Bagimanapun bacaan paras air di tiga lokasi masih melebihi paras bahaya iaitu Sungai Pahang di Sungai Triang di Jambatan Keretapi, Bera (35.16 m); Sungai Pahang di Waterfront, Bera (28.72 m); dan Sungai Pahang di Kuala Krau, Temerloh (40.13 m).

Di PERLIS, mangsa banjir menurun kepada 3,577 orang berbanding 4,266 orang pada sebelah pagi selepas tiga lagi PPS ditutup petang tadi menjadikan hanya 15 PPS masih aktif iaitu di Kangar, Arau dan Padang Besar.

Situasi banjir di KELANTAN juga stabil petang ini dengan hanya satu jajahan masih terjejas, iaitu Pasir Mas melibatkan 1,026 mangsa berbanding 1,850 pagi tadi, di empat PPS.

Di SELANGOR, keadaan banjir juga beransur pulih dengan jumlah mangsa berkurang kepada 3,203 orang berbanding 3,646 orang pagi tadi, yang berlindung di 35 PPS di empat daerah iaitu Kuala Selangor, Sepang, Kuala Langat dan Sabak Bernam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir: Jumlah mangsa di 7 negeri berkurangan, Kelantan meningkat

BERNAMA



BANJIR melanda Taman Desa Setia, Kampung Atas Tol di Kuala Terengganu. FOTO Bernama

Kuala Lumpur: Situasi banjir di tujuh negeri bertambah baik apabila jumlah mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) berkurangan setakat 8 malam ini berbanding petang tadi, kecuali di Kelantan meningkat sedikit.

Di **TERENGGANU**, jumlah mangsa menurun kepada 6,521 orang daripada 1,962 keluarga berbanding 8,345 orang daripada 2,490 keluarga pada sebelah petang.

InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memaklumkan Kuala Terengganu merekodkan jumlah mangsa paling tinggi di PPS iaitu 1,594 orang, diikuti Marang (1,242), Kuala Nerus (1,106), Kemaman (1,055), Setiu (830), Dungun (509) dan Hulu Terengganu (185).

Di **PERLIS**, jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 4,635 orang dengan tiga lagi PPS ditutup berbanding 5,246 orang petang tadi.

Berdasarkan data Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri Perlis, 18 PPS masih beroperasi di Padang Besar, Arau dan Kangar.

BANJIR: JUMLAH MANGSA DI PPS - 2

Di **SELANGOR**, jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 3,473 orang melibatkan 989 keluarga malam ini, berbanding 4,458 individu daripada 1,224 keluarga petang tadi.

Menurut laman web Infobencana JKM, 33 PPS masih beroperasi di lima daerah membabitkan Kuala Selangor, Sepang, Kuala Langat, Sabak Bernam dan Klang.

Di **NEGERI SEMBILAN**, InfoBencana JKM memaklumkan jumlah mangsa banjir terus menurun kepada 251 orang membabitkan 99 keluarga, berbanding 310 orang daripada 113 keluarga terdahulu.

Di **KEDAH**, masih terdapat 1,817 orang daripada 533 keluarga berlindung di 11 PPS malam ini, berbanding 3,295 orang daripada 1,020 keluarga petang tadi, dengan kesemua mangsa dari Kubang Pasu dan Kota Setar.

Sementara itu, laman rasmi PublicInfo Banjir memaklumkan Sungai Bata telah melepasi tahap bahaya iaitu 10.637 meter (m) manakala Sungai Anak Bukit (2.45m) dan Sungai Baru (1.86m) melepasi tahap amaran.

- LAGI

BANJIR-RANGKUMAN (MALAM) 3 (AKHIR) KUALA LUMPUR

Di **MELAKA**, jumlah mangsa terus berkurangan kepada 62 orang daripada 17 keluarga, berbanding 111 mangsa daripada 27 keluarga, yang kesemuanya ditempatkan di PPS Dewan Japerun Ayer Limau, SK Ayer Jernih dan Balai Raya Kampung Seri Jeram.

Di **PAHANG**, jumlah mangsa banjir setakat ini mencatatkan 1,272 orang daripada 428 keluarga, berbanding 1,855 orang daripada 594 keluarga, sebelah petang.

Selain itu, lima sungai utama melepasi bacaan paras bahaya iaitu Sungai Pahang di Kuala Tembeling, Jerantut (53.87m); Sungai Pahang di Waterfront (F1), Bera (28.89m); Sungai Tembeling di Kampung Merting, Jerantut (61.33m); Sungai Jelai di Jeram Bungor, Lipis (62.28m) dan Sungai Pahang di Kuala Krau, Temerloh (41.51m).

Di **PERAK**, jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 6,375 orang daripada 1,973 keluarga, berbanding 6,440 orang daripada 2,006 keluarga, yang ditempatkan di 43 PPS di enam daerah.

Sekretariat JPBN Perak memaklumkan dua PPS telah ditutup petang tadi dan daerah Manjung masih kekal dengan jumlah mangsa tertinggi iaitu 2,240 orang yang berlindung di 18 PPS.

Sementara itu, di **KELANTAN** mangsa banjir meningkat sedikit kepada 1,974 orang berbanding 1,906 orang, dengan lapan PPS dibuka di tiga jajahan terjejas iaitu Pasir Mas, Tumpat dan Gua Musang.

Selain itu, paras air beberapa sungai utama menunjukkan trend menaik, termasuk Sungai Pergau di Jeli (98.21 m) dan Sungai Galas di Limau Kasturi, Gua Musang (59.56 m) manakala Sungai Golok di Rantau Panjang berada pada paras 9.83 m, melepasi tanda bahaya.

Disiarkan pada: November 29, 2025 @ 11:01pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warga emas maut dibunuh dengan cangkul

🕒 30 November 2025, 8:33pm



Oleh: Muhammad Zulsyamini Sufian Suri

MANJUNG: Mayat seorang lelaki warga emas berusia 78 tahun ditemui dipercayai dibunuh menggunakan cangkul dalam kejadian di sebuah rumah di Kampung Koh, di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Hasbullah Abd Rahman berkata, laporan kejadian dibuat oleh ahli keluarga mangsa jam 1.30 tengah hari semalam selepas menemui mangsa sekitar jam 12 tengah hari.

Beliau berkata, mayat lelaki itu dijumpai dalam keadaan terlentang dan berlumuran darah di ruang tamu rumah serta terdapat kecederaan di kepala dan muka mangsa.

"Polis turut menjumpai sebatang cangkul yang terdapat kesan darah disyaki senjata yang digunakan oleh suspek.

"Mayat dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh untuk bedah siasat.

"Punca kematian disebabkan pelbagai kecederaan tumpul dan tajam pada bahagian kepala," katanya dalam kenyataan hari ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.